

# PENGGUNAAN TUMBUH-TUMBUHAN DALAM PERUBATAN TRADISIONAL MASYARAKAT SIAM DI NEGERI KEDAH

Dr. Salmah Omar<sup>1</sup>  
Dr. Rafidah Mohamad Cusairi<sup>2</sup>  
*Universiti Utara Malaysia*  
Dr. Shariffah Suraya Syed Jamaludin<sup>3</sup>  
*Universiti Sains Malaysia*  
En. Philip Lepun<sup>4</sup>  
*Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu*

## ABSTRAK

*Perubatan tradisional seperti juga perubatan moden mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi menyembuhkan penyakit dan penderitaan dengan konsep dan cara yang tersendiri. Seperti masyarakat tradisional lain, masyarakat Siam juga bergantung kepada perubatan tradisional untuk mengatasi masalah berkaitan dengan kesihatan. Kemasukan unsur-unsur perubatan moden ke dalam masyarakat Siam tidak pula menjejaskan sepenuhnya pengetahuan dan kepercayaan mereka terhadap sistem perubatan tradisional. Keadaan ini berlaku kerana sistem itu masih diperlukan dan dipercayai keupayaannya untuk menyembuh dan mengubati sesuatu penyakit yang didapati tidak serasi dengan perubatan dan rawatan moden. Banyak terdapat kes di mana seseorang pesakit yang telah puas berubat secara moden dan kemudiannya beralih kepada perubatan tradisional sembuh dengan sepenuhnya. Hal demikian ini mungkin disebabkan oleh ubat-ubatan moden tersebut bersifat sementara dan bertindak sebagai penahan sakit sahaja. Manakala ubat-ubatan tradisional dari tumbuh-tumbuhan herba dan akar kayu pula bertindak ke atas punca penyakit dan seterusnya menjadi penyembuh penyakit. Maklumat kajian ini diperolehi daripada kajian lapangan dan keperpustakaan. Kajian lapangan melibatkan temubual dan pemerhatian turut serta yang dijalankan dalam kalangan masyarakat Siam di negeri Kedah. Secara umum, tumbuhan ubatan dalam kalangan masyarakat Siam mempunyai dua fungsi iaitu pertama untuk mengubati penyakit dan kedua untuk mengawal diri daripada terkena penyakit. Pakar perubatan tradisional Siam seperti bomoh dan bidan mempunyai kemahiran untuk membuat ubat-ubatan daripada tumbuh-tumbuhan. Ada tumbuh-tumbuhan yang digunakan secara bersendirian dan ada dicampur dengan bahan-bahan lain sama ada jenis tumbuh-tumbuhan atau bukan tumbuh-tumbuhan. Justeru, artikel ini bertujuan untuk melihat penggunaan tumbuh-tumbuhan dalam perubatan tradisional masyarakat Siam di negeri Kedah. Perbincangan akan menumpukan kepada penggunaan jenis*

---

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

<sup>4</sup> Pensyarah, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak

*tumbuhan, kaedah penggunaan dan penyakit yang diubati dalam perubatan tradisional masyarakat Siam di negeri Kedah.*

**Kata Kunci:** *Perubatan Tradisional, Tumbuh-Tumbuhan, Masyarakat Siam, Kedah*

## **PENDAHULUAN**

Masyarakat Siam di Malaysia kebanyakannya menetap di kawasan Utara Semenanjung Malaysia iaitu di Kedah, Perlis, Perak, Kelantan dan sebahagian kecil di negeri Terengganu. Sebahagian besar masyarakat Siam menetap di Kedah iaitu berjumlah 30,000 orang, 13,000 orang di Kelantan, 6000 di Perlis dan 2000 di Perak.

Kepentingan dan hak-hak orang Siam termaktub dalam perlembagaan negeri Kedah, Perlis, Kelantan, Perak dan Terengganu. Kesemua undang-undang tersebut menggunakan istilah '*Siam*' dalam mencatat segala hak dan perlindungan bagi orang Siam dalam perlembagaan negeri. Misalnya, *Undang-Undang Tubuh Negeri Perak*, menggunakan perkataan '*Siam*' di mana kod undang-undang tersebut memperuntukkan bahawa pihak kerajaan negeri harus melantik seorang penghulu dari kalangan masyarakat Siam setempat bagi mewakili masyarakat Siam di negeri Perak. Malahan di negeri Kedah dan Perlis terdapat sejenis dokumen yang dikenali sebagai *Sijil Pertanian Siam* yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri tersebut sebagai syarat untuk membolehkan masyarakat Siam di kedua-dua negeri tersebut memohon tanah yang diwartakan sebagai *Tanah Rizab Melayu*.

Masyarakat Siam dan Thai sangat berbeza. Siam ialah masyarakat Siam di Malaysia, manakala Thai adalah rakyat Thailand. Penggunaan istilah Siam akan dapat membezakan antara orang Siam di Malaysia dan Thailand. Sekiranya istilah Siam digunakan, ia akan merujuk kepada orang Siam yang menetap di Kedah, Perlis, Perak dan Terengganu. Sekiranya Thai, ia akan merujuk kepada *Thai Chiang Mai*, *Thai Songkhla* yang jelas sekali melambangkan identiti masyarakat dari Thailand. Hampir kesemua masyarakat Siam Malaysia menganuti ajaran agama Buddha, sama seperti masyarakat Thai di Thailand.

Masyarakat Siam masih lagi berpegang kuat kepada fahaman animisme terutama percayakan hantu-hantu yang mengganggu kehidupan mereka. Oleh itu bomoh memainkan peranan penting di dalam kehidupan mereka. Unsur-unsur animisme ini diamalkan bersama-sama dengan amalan agama Buddha yang kuat dipegang oleh masyarakat Siam. Mereka masih lagi percaya kepada supernatural, hantu, semangat, penunggu, toyol dan pelesit. Selain itu, mereka juga mengamalkan berbagai pantang larang yang diwarisi dari generasi dahulu. Pantang larang pada dasarnya mempunyai fungsi pendidikan kepada golongan tertentu. Kalau dilarang secara langsung mungkin tidak dipatuhi, tetapi bila disertai dengan akibat dan ancaman menimbulkan gerun dan takut menyebabkan mereka yang ditunjukkan larangan meninggalkan larangan, kerana takut menerima akibat dan balasan.

Walau bagaimanapun, sebahagian dari pantang larang sudah tidak relevan dan tidak diterima sebagai logik dan menganggapnya sebagai warisan kepercayaan masyarakat tradisi semata-mata. Pantang larang masyarakat Siam termasuklah kalau kahwin atau merisik, kena tengok tarikh hari dan masa yang sesuai (diramal oleh nenek moyang), kalau mengandung, tidak boleh bagi orang lain melangkah belakang, kalau masak untuk sami,

tidak boleh makanan itu kena asingkan dulu, tidak boleh menyanyi dalam dapur, tak boleh langkah bantal, tak boleh jemur kain pada waktu malam.

### **ASAL-USUL PERUBATAN TRADISIONAL MASYARAKAT SIAM**

Perubatan tradisional didefinisikan sebagai amalan, pendekatan, pengetahuan dan kepercayaan terhadap kesihatan yang melibatkan tumbuh-tumbuhan, haiwan dan ubat-ubatan berasaskan mineral, terapi spiritual, teknik manual dan senaman yang diaplikasikan secara khusus mahupun gabungan bagi merawat, diagnosis serta mencegah penyakit dan mengekalkan kesihatan (Norhalim, 1997).

Perubatan tradisional masyarakat Siam terbahagi kepada dua jenis iaitu menggunakan tumbuhan seperti akar kayu dan daun-daun serta perubatan yang menggunakan jampi dan ilmu hitam. Kebiasaannya tumbuh-tumbuhan digunakan untuk merawat penyakit luaran seperti demam dan sebagainya. Manakala jampi dan ilmu hitam untuk mengubati santau, penyakit buatan orang dan sawan. Namun begitu, kedua-duanya bergantung kepada niat orang yang menggunakannya. Sekiranya niat baik, maka baiklah hasilnya, sebaliknya niat jahat maka hasilnya juga tidak elok.

Secara umumnya, amalan perubatan tradisional oleh bomoh dapat dibahagikan kepada tiga elemen asas, iaitu bahan yang digunakan, apa yang dilakukan dan apa yang diucapkan. Elemen pertama merujuk kepada tumbuhan atau alatan; elemen kedua ialah upacara (rites) dan elemen ketiga ialah jampi.

### **TUMBUH-TUMBUHAN DAN KEGUNAANNYA DALAM PERUBATAN TRADISIONAL SIAM**

Masyarakat Siam telah lama menggunakan pelbagai jenis tumbuhan untuk menyembuhkan penyakit, seperti darah tinggi, kencing manis, penyakit mata, terkena buatan orang, luka akibat kemalangan, demam dan sakit perut. Lazimnya, pengetahuan berubat menggunakan tumbuhan merupakan pengetahuan umum dan tersebar luas dalam kalangan anggota masyarakat. Boleh dikatakan dalam setiap rumah terdapat sekurang-kurangnya seorang ahli keluarga yang mempunyai pengetahuan tentang kegunaan serta khasiat tumbuh-tumbuhan khususnya, sebagai ubat.

Setiap penggunaan tumbuh-tumbuhan dalam perubatan mengandungi rasionalnya. Tumbuhan mempunyai rasa kelat, pedas, pahit, elemen sejuk dan panas. Tumbuhan yang pedas untuk menghancurkan lemak, rasa kelat untuk menyembuhkan luka, tumbuhan panas untuk memanaskan penyakit sejuk dan tumbuhan sejuk untuk menyejukkan penyakit panas. Misalnya, untuk sakit kepala, daun ketumpangan air dihancurkan dan ditampal pada dahi. Daun ini bersifat sejuk. Sejuk boleh mengurangkan panas dalam kepala.

Bahagian tumbuhan yang biasa digunakan untuk pelbagai ubat ialah daun, batang, pucuk, akar, ranting, buah, bunga, kulit dan getah. Penggunaannya bergantung kepada jenis penyakit dan juga jenis tumbuhan. Bagi masyarakat Siam, terdapat pelbagai cara penggunaan tumbuh-tumbuhan seperti sapu, gosok, lumur, titis, demah, tuam, balut, tampal, sembur,urut, makan, minum dan mandi serta dijadikan tangkal atau azimat. Misalnya, cara sapu, lumur, tuam atau tampal untuk kegunaan luaran bertujuan

mengeringkan dan mengecutkan luka atau bengkak, mematikan kuman dan juga menolak angin yang tersekat pada bahagian urat atau pembuluh darah.

Dengan bantuan dan tunjuk ajar bomoh, ramuan boleh disediakan sendiri oleh pesakit atau keluarganya ataupun bomoh sendiri menyediakannya dan pesakit menggunakannya. Tumbuhan yang dijadikan ubat perlu dikenalpasti dengan betul kerana tumbuhan mempunyai khasiat yang berbeza. Tumbuhan ubatan juga diambil dalam sukatan yang betul kerana sukatan yang berlebihan besar kemungkinan akan memberi kesan sampingan yang tidak baik (Salmah, 2010).

Secara umumnya, tumbuh-tumbuhan ubatan dalam kalangan masyarakat Siam mempunyai dua fungsi utama iaitu pertama untuk mengubati penyakit dan kedua mengawal diri daripada terkena penyakit.

<b>Nama tumbuhan/herba</b>	<b>Bahagian digunakan (ranting, daun, akar dan lain-lain)</b>	<b>Cara ramuan disediakan dan bagaimana digunakan</b>	<b>Tujuan</b>	<b>Kesan/pantang larang</b>
Batang Wali / Akar Seruntun  (bahasa siam-khetmun; bahasa thai-boraphet)  Nama saintifik: <i>Tinospora tuberculata</i>	Batang	Hiris batang wali, jemur sehingga kering dan guna 2-3 keping untuk rebus dan minum. Hiris batang wali, kisar dan perah menjadi air dan minum	Baik untuk kesihatan, rawat diabetes dan kurangkan tekanan darah tinggi, untuk rawat kulit kepala (kering dan kelemumur), untuk kembalikan kehilangan air dalam badan (hydrated), buang panas dan demam  Rawat Luka	-
		Guna getah batang wali dan sapu di bahagian luka		
	Daun/ pucuk	Selalunya bomoh akan kunyah dan sembur pada tempat yang berkayap	Untuk rawat penyakit kayap	Kesannya, sehari dua luka akan menjadi kering.

<p>Daun Sirih</p> <p>(bahasa siam- bai phu)</p> <p>Nama saintifik: <i>Piper betel</i></p>				<p>Bagi kepercayaan orang moden, cara ini tidak sesuai kerana penyakit kayap perlu dirawat dengan bersih</p>
	Daun	Potong daun sirih dan campur dengan air sejuk dan letak atas kepala dan lap muka	Untuk rawat hidung berdarah (epistaxia)	-
	Daun		Digunakan untuk jampi atau apa-apa sahaja dalam perubatan tradisional	-
<p>Pucuk Jambu Batu</p> <p>(bahasa siam-yort phor/bai falang)</p> <p>Nama saintifik: <i>Psidium guajava</i></p>	Pucuk/ daun	Hancurkan pucuk jambu dengan sedikit kunyit dan bedak sejuk dan sapu pada badan dan muka	Untuk sembuhkan biji demam campak	-
<p>Misai Kucing</p> <p>(bahasa siam: thon nuat meaw)</p>	Keseluruhan pokok	Rebus pokok misai kucing dan minum	Untuk rawat pundi kencing dan buah pinggang, kurangkan tekanan darah tinggi, rawat diabetes,	-

Nama saintifik: <i>Orthosiphon stamineus</i>			resdung, cegah gastrik	
Pokok Dukung Anak  (bahasa thai- luk tai bai)  Nama saintifik: <i>Phyllanthus urinaria</i>	Keseluruhan pokok	Rebus pokok dukung anak dan minum	Baik untuk kesihatan, untuk kembalikan selera dan rawat gastrik, untuk kurangkan tekanan darah tinggi, rawat malaria, kurangkan batuk, rawat sakit perut	-
Rumpai Siam/ Rumpai Kapal Terbang  (bahasa siam- bai khi kai) (bahasa thai- sap seah)  Nama saintifik: <i>Chromolaena odorata</i>	Daun	Hancurkan daun dan campur dengan air liur/air dan letak dekat luka/ perut  Rebus daun kapal terbang dan mandi	untuk rawat luka dan perut kembung  Untuk rawat lebam	-
	Daun dan batang	makan sebagai ulam atau boleh buat masakan kerabu	Baik untuk kesihatan, rawat glaucoma (mata), sakit	-

Ketumpang Air/Sireh tanah  (bahasa siam: Phru dhin )  Nama saintifik: <i>Peperomi  a pellucia</i>		hancur dan letak kat kepala untuk kurangkan demam dan sakit kepala	kepala, hilangkan sakit tekak, jerawat, demam	
	Akar dan batang	Sireh tanah akan direbus dengan garam	Digunakan untuk merawat mata rabun	-
		Direbus didalam air dan dicampur dengan gula merah	Digunakan untuk merawat buasir	-
		Sireh tanah akan ditumbuk/ dihancurkan dan diletakkan dibahagian rektum	Digunakan untuk merawat bahagian rectum yang sakit/jadi biji	-
		Sireh tanah akan diletakkan diatas penutup periuk sehingga layu dan akan keluar cecair. Cecair tersebut akan dititiskan ke dalam telinga yang sakit	Digunakan untuk merawat telinga yang sakit atau bernanah	-
Pokok Semalu  (bahasa siam- ragap/ton mai pak krakshed)  Nama saintifik: <i>Mimosa  pudica</i>	Keseluruhan pokok	Keringkan pokok semalu, rebus, dan minum air rebusan	baik untuk kesihatan, rawat keadaan penat, sakit kepala, rawat diabetes	-
Asam Jawa  (Bahasa	Buah	Makan bersama garam atau membuat jus mengikut rasa untuk membantu	membantu mengurangkan sakit tekak dan kahak	-

siam- som karm)  Nama saintifik: <i>Tamarindus indica</i>		mengurangkan sakit tekak dan mengurangkan kahak		
Limau  (Bahasa siam-look nhau)  Nama saintifik: <i>Citrus aurantiifolia</i>	Buah	Perah air limau dan minum	Baik untuk kesihatan mata, kulit, jerawat. Membantu mengurangkan sakit kepala dan loya. Ia juga dapat mengurangkan tekanan darah tinggi dan rendah	-
		Mengurangkan batuk dan kahak	Perah air limau dan campur 1 sudu madu dan minum air campuran tersebut	
Halia  (Bahasa siam-khing)  Nama saintifik: <i>Zingiber officinale</i>	Rizom	Tumbuk (jangan terlalu hancur, tumbuk untuk keluar bau dan rasa sahaja) kemudian rebus halia tersebut dan minum	Membantu mengurangkan pening kepala atau loya. Ia juga sesuai untuk pesakit yang mengambil kimoterapi	-
	Rizom	Direbus dalam air panas dan minum	Membantu untuk membuang angin dalam badan, perut kembung	-
Lidah Buaya	Daun	Guna lendir pada tempat luka	Sejukkan percikan minyak	-

(Bahasa siam- lin khea/wan hang chorakin)  Nama saintifik: <i>Aloe vera</i>			atau percikan api yang kecil	
		Dipotong agar dapat keluaran lendir daripada batang lidah buaya	Guna lendir dari lidah buaya pada bahagian kayap	
Pegaga  (bahasa siam- bai bua bok)  Nama saintifik: <i>Centella asiatica</i>	Daun	Minum sebagai jus atau sebagai ulam	Membantu mempercepatkan keadaan lebam dalam badan, buang panas, kurangkan demam dan dihirat	-
	Daun	Buat jus campur dengan sedikit madu atau campur dengan buah-buahan	Untuk cegah tekanan darah tinggi	-
	Semua bahagian	Boleh direbus untuk dapatkan air rebusan	Menyejukkan badan dan menyegarkan bahagian dalaman	-
Roselle  (bahasa siam- kachiap)  Nama saintifik: <i>Hibiscus sabdariffa</i>	Daun dan bunga	Boleh masukkan dalam kari atau buat jus roselle	Daun - untuk menyembuhkan penyakit trichinosis batuk, kahak. Bunga - untuk cegah batu karang, mengurangkan kolesterol,	-

			mengurangkan berat badan, mengurangkan tekanan dan kelikatan darah, mencegah prostat air kencing bagi kaum lelaki	
Kunyit  (bahasa siam-Kakmin)  Nama saintifik: Curcuma longa	Rizom		Digunakan untuk merawat bisa patukan ular tedung	-
Pokok Lipan  (bahasa Siam:)  Nama Saintifik: <i>Pedilanthus tithymaloides</i>	Keseluruhan pokok	Daun dihancurkan dan letak pada tempat yang terkena gigitan lipan		-
Daun Ketum  (bahasa siam: Bai Thom)  Nama Saintifik: <i>Mitragyna</i>	Daun	Daun ketum diambil dan direbus untuk diminum	Digunakan untuk merawat darah tinggi	-

<i>a speciosa korth</i>				
<p>Pokok Langsung</p> <p>(bahasa siam: Bai Langsung)</p> <p>Nama Saintifik: <i>Lansium domesticum Jack</i></p>	Daun	Ditumbuk halus untuk dibuat jus serta digunakan dengan garam jantan	Digunakan untuk merawat demam	-
<p>Betik</p> <p>(bahasa siam: Malakor)</p> <p>Nama Saintifik: <i>Carica papaya</i></p>	Buah	Minum teh cina didalam buah betik yang dibelah	Digunakan untuk merawat penyakit gout	-
	Biji betik	Direbus dengan air dan ditapis untuk diminum	Digunakan untuk merawat penyakit gout	-
<p>Hempedu Bumi</p> <p>(bahasa siam: Fathalai churn)</p> <p>Nama Saintifik: <i>Andrographis paniculata</i></p>	Semua bahagian termasuk akar	Direbus dengan air dan ditapis untuk diminum	Digunakan untuk merawat penyakit darah tinggi	-

<p>Belimbing Tanah</p> <p>(bahasa siam: Khuang dhin)</p> <p>Nama Saintifik: <i>Tacca Cristata</i></p>	Akar	Direbus	Digunakan untuk merawat penyakit darah tinggi	-
<p>Terung Pungar</p> <p>(bahasa siam : Ton Lamphong)</p> <p>Nama Saintifik : Brugmansia</p>	Daun	Bahagian daun akan digesek/upar seterusnya akan disapu dengan kapur	Digunakan untuk merawat kayap dan melegakan bengkak cantik	-
<p>Pokok Pisang</p> <p>(bahasa siam : Kluai)</p> <p>Nama Saintifik : Musa</p>	Buah pisang	Dimakan	Untuk lekat tulang (ikan )	-
<p>Pokok Tahi Ayam</p>	Bunga	Bahagian bunga akan direbus bersama dengan garam. Seterusnya air rebusan tersebut akan diambil untuk kumur	Digunakan untuk merawat sakit gigi	-

(bahasa siam : Dok Dao Reang) Nama saintifik : Tagetes erecta L.		(letak dalam mulut dan ludah)		
Pokok Serai  (bahasa siam : Ton Tak Khrai)  Nama Saintifik (botani) : Cymbopogon citratus	Batang dan akar	Akar dan batang serai akan direbus. Air rebusan tersebut akan diminum	Untuk melegakan senggugut	-
	Batang	Tumbukkan batang serai sehingga hancur dan letak dalam kain kemudian tekan perlahan-lahan di tempat yang bengkak. -Rebus serai dan minum.	-Membantu menghilangkan kotoran peluh, mengurangi lebam bengkak. -Mengurangi panas dan mengeluarkan racun dalam badan.	
Pokok Putat  (bahasa siam: yort chik )  Nama Saintifik : Barringtonia	Kulit batang pokok	Bahagian kulit batang pokok akan ditumbuk dan dikacau bersama tanah liat	Merawat kulit gatal	-

Sumber: Kajian lapangan

## **KESIMPULAN**

Daripada huraian di atas, jelaslah bahawa masyarakat Siam di negeri Kedah banyak bergantung kepada tumbuh-tumbuhan dalam perubatan tradisional mereka. Masyarakat Siam percaya setiap jenis tumbuhan mempunyai khasiat dan memberi manfaat kepada kesihatan mereka. Tumbuh-tumbuhan bukan sahaja digunakan untuk merawat dan mengubati penyakit, malah ia juga dijadikan sebagai satu kaedah untuk mencegah penyakit. Selain itu, tumbuh-tumbuhan juga lebih baik dan selamat digunakan kerana tidak mengandungi bahan-bahan kimia dan racun. Dengan meningkatnya kos perubatan moden di pasaran, ubatan tradisional akan menjadi semakin dekat kepada kehidupan masyarakat Siam.

## **RUJUKAN**

Norhalim Haji Ibrahim. 1997. Perubatan Tradisional. Fajar Bakti: Selangor.

Salmah Omar. 2010. Penjagaan Kesihatan Masyarakat Melanau Islam Bintulu Sarawak. Tesis PhD. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.